

25 FEB 1999

Mahathir-MCA

KERJASAMA ANTARA PELBAGAI KAUM PERLU DITERUSKAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Kerjasama antara pelbagai kaum di negara ini perlu diteruskan bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Katanya kerjasama itu, yang telah wujud sejak zaman Perikatan ditubuhkan lagi, telah terbukti memberikan kestabilan kepada negara.

"Kita boleh hadapi sebarang cabaran, jika kita bersatu dan negara stabil," katanya pada majlis makan malam MCA sempena sambutan jubli emas parti itu di Stadium Nasional, Bukit Jalil di sini.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia harus bersyukur kerana permusuhan, yang ada di kalangan beberapa kaum, tidak berkekalan tetapi menjurus kepada kerjasama rapat, yang tercapai hasil usaha Umno, MCA dan MIC.

Dr Mahathir berkata pada mulanya MCA dan Umno adalah musuh ketat, tetapi kerana kepimpinan kedua-dua parti terdiri daripada mereka yang berfikiran waras, mereka dapat membawa kedua-dua parti itu bergabung dan mengasaskan Perikatan.

Mahathir berkata Perikatan kemudiannya turut disertai MIC dan ia berkembang, serta diterima oleh parti-parti dari Sabah dan Sarawak, yang seterusnya menghasilkan penubuhan Barisan Nasional.

"Ini adalah sejarah parti-parti politik di Malaysia, sejarah unik dan luar biasa.

"Di negara-negara lain jarang terdapat parti-parti yang sebelumnya bermusuhan, merapatkan hubungan dan bergabung mendirikan parti campuran," katanya.

Beliau berkata kerjasama yang unik ini telah menjadikan negara stabil dan membolehkan Malaysia menjadi negara membangun yang termaju di dunia.

"Kita harus kekalkan kerjasama ini, kestabilan membolehkan kita menghadapi sebarang cabaran," katanya.

Beliau berterima kasih kepada kaum Cina yang cekap mengusahakan perniagaan dan perusahaan, sehingga tekanan dari luar ke atas Malaysia tidak menimbulkan masalah besar kepada negara.

Dr Mahathir berkata perniagaan dan perusahaan mereka tidak terhalang dan kerajaan berjaya mengawal ekonomi negara.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada masyarakat Cina kerana sanggup menerima usaha kerajaan mengseimbangkan ekonomi antara kaum, rela berkongsi dan bekerjasama dengan kaum Bumiputera dan sanggup menolong menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

Dr Mahathir berkata MCA yang mewakili masyarakat Cina dalam kerajaan telah memberikan sumbangan yang besar kepada parti-parti komponen BN, demi kebaikan negara.

"Pengakuan MCA bahawa ia akan bekerjasama rapat dengan Umno, MIC dan komponen-komponen BN adalah ikhlas.

"Saya yakin MCA akan terus bekerjasama bagi mengekalkan kuasa BN," katanya.

Dr Mahathir berkata negara belum cukup maju dan perlu mencapai matlamat Wawasan 2020, oleh itu adalah perlu untuk mengekalkan BN bagi mencapai hasrat tersebut.

Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada MCA sempena ulang tahun ke-50 parti itu dan beliau berkata tidak banyak parti politik yang ditubuhkan di Malaysia yang mampu menjangkau usia 50 tahun.

"Saya yakin MCA akan menyambut ulang tahun ke-100, 50 tahun dari

sekarang.

"Apabila menyambut ulang tahun ke-100 nanti MCA akan raikan dengan Umno, MIC dan lain-lain dalam BN.

"Dengan itu dapat tentukan negara membangun dengan pesat," katanya.

-- BERNAMA

AR RI